

15/02/2004

(Tun Dr Mahathir Mohamad ... )

KUALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad memuji ketegasan kerajaan yang diketuai Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menangani gejala rasuah di negara ini, termasuk menghadapi individu kenamaan ke muka pengadilan.

"It's good (tindakan yang baik)," katanya ringkas ketika ditemui pemberita selepas majlis penganugerahan Fellow Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) 2003 kepada isteri beliau, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali di sini, semalam.

Bekas Perdana Menteri itu berkata demikian ketika diminta mengulas langkah serius kerajaan untuk menghapuskan rasuah, termasuk menghadapi orang kenamaan ke mahkamah kerana disyaki terbabit dalam penyelewengan dan pecah amanah.